

KEPENTINGAN PROGRAM BANDAR SELAMAT SEBAGAI ASAS KESELAMATAN INDUSTRI PELANCONGAN DI BANDARAYA JOHOR BAHRU

AHMAD NAZRIN ARIS HJ. ANUAR¹ & ZAINAB KHALIFAH²

Abstrak. Sejak kebelakangan ini, isu jenayah dan keselamatan merupakan antara isu utama yang sering diperkatakan oleh para pelancong di pelancongan bandar. Rentetan daripada itu, Malaysia turut tidak terkecuali melaksanakan pelbagai strategi dan salah satunya adalah dengan mewujudkan Program Bandar Selamat. Sehubungan dengan itu, Bandaraya Johor Bahru menerusi Majlis Bandaraya Johor Bahru selaku pihak berkuasa tempatan telah mengaplikasikan Program Bandar Selamat sejak 22 November 2004 yang bertujuan mempertingkatkan lagi mutu keselamatan bukan sahaja kepada masyarakat namun terhadap pelancong. Dalam kajian ini, pelancong Singapura telah dijadikan responden, kerana mereka merupakan jumlah pelancong yang tertinggi sekali melancong ke Bandaraya Johor Bahru. Penemuan kajian cuba meneliti mutu keselamatan di Bandaraya Johor Bahru dan rata-rata responden menganggap kesemua langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat merupakan suatu langkah yang penting di dalam menjamin keselamatan pelancong semasa berada di Bandaraya Johor Bahru. Diharapkan melalui kajian ini, pihak yang berkenaan akan dapat membuat penambahbaikan terhadap Program Bandar Selamat dan seterusnya mempertingkatkan lagi mutu keselamatan pelancong sehingga menganggap Bandaraya Johor Bahru sebagai destinasi pelancongan bandar yang paling selamat untuk dikunjungi.

Kata kunci: Keselamatan; pelancongan bandar; Program Bandar Selamat

Abstract. Lately, safety elements and crime are considered as significant issues among visitors especially in urban tourism. Based on these issues, Malaysia has taken the initiative to address this situation by establishing various strategies and among them is the introduction of the Safe City Programme. Johor Bahru City through Johor Bahru City Council as a local authority has implemented the Safe City Programme since 22nd November 2004, where the goal is to enhance the safety quality not only for the local community but also for tourists visiting Johor Bahru. In this study, Singaporean tourists were selected as the main respondents because they are the highest proportion of tourists visiting Johor Bahru. The findings of this study indicates that majority of respondents perceived that all the crime prevention measures taken in the Safe City Programme are important in ensuring the safety of tourists while they are in Johor Bahru. It is hope that from this study, the related parties involved will continuously improve the Safe City Programme and increase the safety level for tourists to the extent that the Johor Bahru City will be considered as a very safe destination to visit.

Keywords: Safety; urban tourism; Safe City Programme

¹ No.13, Jalan Prima Saujana 2/3, Taman Prima Saujana, Seksyen 2, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

² Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor Darul Takzim

1.0 PENGENALAN

Konsep bandar selamat merupakan satu pendekatan yang diambil bagi menyelesaikan isu keselamatan yang berlaku di dalam kawasan bandar. Ia sebahagian daripada konsep “*liveable cities*” yang memberi fokus kepada masalah jenayah di bandar. Konsep bandar selamat menjadi semakin penting apabila *UN-Habitat Nations* (UN-Habitat) menekankan kepentingannya pada tahun 1996 berikutan peningkatan kadar kes jenayah di bandar berlaku seluruh dunia. Pada dasarnya, konsep bandar selamat telah diutarakan oleh Jane Jacobs seorang wartawan melalui bukunya *Life and Death of American Cities* (Hidup dan Matinya Bandar Raya Amerika) yang diterbitkan pada tahun 1961. Program Bandar Selamat juga turut diguna pakai dalam sektor pelancongan apabila pelancongan bandar atau *urban tourism* diperkenalkan. Keperluan keselamatan dalam pelancongan bandar mempunyai pelbagai definisi yang merangkumi pelbagai aspek seperti tahap keselamatan pelancong ketika berada di sesuatu destinasi pelancongan terutamanya di kawasan bandar-bandar besar. Kejadian jenayah seperti pembunuhan, ragut, penculikan, samun, rogol, kecurian kereta atau motosikal dan sebagainya merupakan kejadian yang sering berlaku terhadap pelancong di kawasan bandar. Apabila senario ini berlarutan, ia akan memusnahkan industri pelancongan serta ekonomi Malaysia.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Dalam industri pelancongan, kejadian jenayah yang tinggi serta melibatkan pelancong akan memberi kesan yang negatif kepada industri pelancongan. Manakala, faktor keselamatan dikenal pasti sebagai faktor utama dalam pemilihan destinasi pelancongan (Nurul Iswani, 2006). Jika destinasi tersebut mempunyai statistik kemalangan yang melibatkan pelancong yang tinggi, maka destinasi tersebut bukanlah menjadi pilihan yang utama. Menurut Richard (2003), jika pelancong berasa tidak selamat atau terancam di sesuatu destinasi, pelancong akan membuat tanggapan yang negatif terhadap destinasi tersebut. Ini seterusnya akan memusnahkan industri pelancongan di destinasi berkenaan serta memberi implikasi negatif, iaitu penurunan kedatangan pelancong. Justeru itu, tanggapan atau persepsi pelancong merupakan salah satu faktor utama di dalam pemilihan destinasi. Bagaimana pula dengan Bandaraya Johor Bahru yang diuruskan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang turut sama dalam Program Bandar Selamat? Keberkesanan Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru adalah diragui. Baru-baru ini, Bandaraya Johor Bahru telah digemparkan dengan kadar jenayah dan gejala sosial yang semakin meningkat setiap hari. Kejadian jenayah seperti pembunuhan, ragut, rogol dan samun telah mula menjadi paparan harian di dalam media massa dan elektronik terutamanya di Singapura sehingga pelancong Singapura berasa sangsi, takut dan curiga dengan keselamatan peribadi serta harta benda mereka semasa melancong ke Bandaraya Johor Bahru.

Secara umum, Bandaraya Johor Bahru merupakan Gerbang Selatan ke Johor dan Malaysia bagi pelancong-pelancong antarabangsa. Bandaraya Johor Bahru juga merupakan tumpuan pelancong warga Singapura. Mengikut statistik oleh Jabatan Imigresen Johor Bahru, seramai 7,109,090 orang pelancong Singapura melancong ke Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2006 manakala pada tahun 2007 seramai 20,041,974 orang pelancong Singapura melancong ke Bandaraya Johor Bahru (MTPN Johor, 2008). Bilangan pelancong Singapura telah meningkat dengan mendadak pada tahun 2007 adalah berpunca daripada kelancaran kempen Tahun Melawat Malaysia.

Berdasarkan situasi yang berlaku dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan industri pelancongan mengenai isu keselamatan pelancong, timbul persoalan tentang langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga strategi utama Program Bandar Selamat? Bagaimanakah persepsi pelancong Singapura terhadap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah dalam Program Bandar Selamat bagi menjamin keselamatan mereka? Oleh yang demikian, pengkaji telah menjalankan satu kajian di Bandaraya Johor Bahru bagi menjelaskan konsep bandar selamat yang telah pun diguna pakai serta kepentingan konsep tersebut terhadap keselamatan pelancong Singapura di Bandaraya Johor Bahru.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Menilai kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga strategi utama Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru berdasarkan persepsi pelancong Singapura.
- (2) Mengenal pasti tahap persepsi pelancong Singapura terhadap langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah Program Bandar Selamat.

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Pelancongan Bandar atau *Urban Tourism* Secara Umum

Asworth (1992) menyatakan bahawa terdapat dua keadaan di mana konsep bandar dan pelancongan dapat digabungkan bersama dalam membentuk pelancongan bandar, iaitu proses membentuk hubungan yang kompleks di antara “ciri bandar” dan “fungsi pelancongan.” Ciri bandar menerangkan bahawa selain daripada ciri bandar yang berfungsi sebagai penempatan, ianya merupakan satu faktor dalam membentuk pelancongan dan aktiviti riadah di mana peranan pelancongan bandar muncul. Manakala fungsi pelancongan atau riadah juga dianggap sebagai faktor penting di dalam membentuk aspek pembandaran. Blank (1994) telah mengenal pasti lima faktor yang menjadikan bandar sesuai sebagai destinasi pelancongan iaitu:

- (1) Lokasi bandar yang mempunyai populasi yang tinggi, serta mampu menarik ramai pelancong untuk mengunjungi kawan dan saudara mara
- (2) Sebagai pintu masuk atau perpindahan ke destinasi yang lain
- (3) Tumpuan kepada industri, kewangan serta perdagangan
- (4) Merupakan pusat kepada pelbagai perkhidmatan seperti pendidikan, pusat pentadbiran, kerajaan, kesihatan dan seumpamanya
- (5) Tempat yang menawarkan pelbagai pengalaman kebudayaan, seni dan rekreasi

Dalam industri pelancongan, elemen pelancongan yang menentukan sama ada sumberjaya atau produk pelancongan bandar mampu menarik lebih ramai pelancong. Menurut Jansen-Verbeke (1988) elemen pelancongan ini dibahagikan kepada elemen *primer*, elemen *sekunder* dan seterusnya elemen sokongan. Elemen *primer* merupakan elemen yang berkebolehan untuk menarik perhatian pelancong ke kawasan pelancongan bandar, elemen *sekunder* pula adalah elemen yang digunakan oleh pelancong untuk pergi ke destinasi pelancongan tersebut serta servis yang ditawarkan dan digunakan oleh pelancong sepanjang berada di sana. Manakala elemen sokongan pula elemen tambahan bagi menyokong industri pelancongan di sesuatu kawasan pelancongan tersebut seperti infrastruktur. Dalam elemen pelancongan tersebut jelas menunjukkan bahawa aspek keselamatan telah dinyatakan secara langsung dalam elemen primer. Ini menunjukkan bahawa aspek keselamatan adalah amat penting dalam industri pelancongan terutama sekali dalam pelancongan bandar. Ini adalah kerana di bawah proses pemandaran yang berlaku di bandar telah membawa kepada pelbagai implikasi dan seterusnya menjadi permasalahan utama di kawasan bandar.

4.2 Keperluan Keselamatan dalam Industri Pelancongan Bandar

Keselamatan menurut Kamus Dewan (2002) ditakrifkan sebagai kesejahteraan dan keamanan. Untuk mencapai tahap tersebut, seharusnya ianya tidak hanya terbatas kepada kecukupan keperluan asas dan bebas daripada ancaman penyakit sebaliknya ianya juga harus merangkumi aspek keselamatan daripada ancaman keganasan serta selamat daripada bencana alam. Isu yang membimbangkan di dalam kawasan bandar ini adalah kegiatan jenayah yang kian meningkat. Peningkatan kadar kes jenayah akan mengakibatkan perasaan bimbang atau takut yang menular dalam kalangan pelancong. Floyd *et al.* (2003) menyatakan bahawa terdapat empat faktor risiko yang boleh menjejaskan industri pelancongan di sesuatu destinasi ialah faktor peperangan dan keadaan politik yang tidak stabil, faktor kesihatan, faktor jenayah dan faktor keganasan. Faktor-faktor ini merupakan indikator utama yang di nilai oleh pelancong untuk mengunjungi sesebuah destinasi pelancongan selain daripada pengalaman dan motivasi pelancong itu sendiri.

Menurut Holcomb dan Pizam (2006) pula, pelancong sering menjadi mangsa jenayah berpunca daripada beberapa faktor iaitu:

- (1) Keadaan pakaian yang berharga jelas menunjukkan bahawa mereka merupakan pelancong luar
- (2) Kebiasaanya membawa barangan yang berharga serta wang tunai yang banyak
- (3) Sikap kurang waspada dan berjaga-jaga pelancong kerana terlalu ghairah melihat tarikan yang terdapat di destinasi pelancongan
- (4) Sikap tidak biasa dengan keadaan persekitaran di sesuatu tempat pelancongan
- (5) Kesukaan pelancong untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang berbahaya
- (6) Sikap tidak mempunyai teman lebih suka bersendirian semasa melancong

4.3 Program Bandar Selamat sebagai Keperluan Keselamatan dalam Pelancongan Bandar

4.3.1 Program Bandar Selamat di Peringkat Global

Pemahaman Program Bandar Selamat sebagai bandar yang bebas jenayah sebenarnya bertitik tolak daripada Program Bandar Selamat yang dilancarkan di peringkat antarabangsa. UN-Habitat merupakan badan antarabangsa yang bertanggungjawab mencetuskan idea tentang konsep ini rentetan daripada peningkatan kadar kes jenayah di bandar yang telah menimbulkan pelbagai episod keganasan. Fenomena ini telah mendapat perhatian UN-Habitat sehingga membawa pelancaran Program Bandar Selamat pada tahun 1996. Program yang akan dilaksanakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di peringkat perbandaran ini membawa dua objektif utama, iaitu:

- (1) Menyokong sepenuhnya usaha-usaha membina kesedaran tentang kemerosotan keselamatan bandar; maka dengan itu
- (2) Menyumbang kepada pembangunan strategi pencegahan jenayah.

Di peringkat antarabangsa, UN-Habitat dengan kerjasama daripada pelbagai agensi pertubuhan dunia yang lain seperti *United Nations Development Programme* (UNDP), *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan *United Nations Economic, Social and Cultural Organization* (UNESCO) akan bertindak menyokong pihak-pihak berkuasa tempatan melalui perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Mengukuhkan keupayaan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menyebarkan isu keselamatan bandar dan kesedaran untuk mengatasinya;
- (2) Mempromosikan inisiatif-inisiatif pencegahan jenayah yang dilaksanakan melalui kerjasama antara pihak berkuasa di peringkat pusat dan tempatan, sistem kehakiman, sektor swasta, dan masyarakat awam;
- (3) Menggalakkan hubungan antara pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan pertukaran kepakaran serta amalan dalam mencegah jenayah;
- (4) Menyedia dan melaksanakan program-program pembangunan dan menyebarkan pengajaran yang diperolehi hasil daripada usahasama antara negara-negara;

- (5) Mensasarkan tiga bidang pencegahan yang utama: tindakan pencegahan berdasarkan kumpulan, berdasarkan situasi serta pembaharuan sistem kehakiman atau pengadilan jenayah.

Berdasarkan senarai pendekatan di atas, dapat disimpulkan bahawa program ini perlu dilaksanakan atas kesedaran bahawa jenayah tidak hanya boleh dibanteras oleh institusi kehakiman, sebaliknya tanggungjawab menjaga keselamatan awam perlu digalas oleh semua pihak termasuklah orang awam serta pelancong itu sendiri. UN-Habitat menyarankan agar pihak-pihak berkuasa tempatan mengadakan usahasama ini melalui tiga pendekatan. Pendekatan pertama adalah strategi pencegahan *primer*, iaitu pendekatan melalui reka bentuk persekitaran fizikal. Pendekatan kedua adalah strategi pencegahan *sekunder*, iaitu memberi penekanan kepada usaha untuk membaiki tingkah laku sosial sama ada sebagai mangsa jenayah atau penjenayah. Manakala pendekatan ketiga adalah strategi pencegahan formal, iaitu pendekatan yang melibatkan penjenayah secara langsung, iaitu dengan mengambil tindakan supaya penjenayah tidak mengulangi perlakuan jenayah.

4.3.2 Kewujudan Program Bandar Selamat di Malaysia

Program Bandar Selamat di Malaysia telah dilancarkan pada 10 Ogos 2004. Program ini adalah strategi pencegahan jenayah melalui pendekatan pencegahan *primer* diletakkan di bawah tanggungjawab KPKT. Setiap dasar dan program akan dilaksanakan oleh setiap PBT di peringkat perbandaran dan bandaraya. Di bawah program ini, konsep bandar selamat merujuk kepada takrifan bandar yang bebas dari sebarang ancaman fizikal, sosial dan mental serta mempunyai persekitaran yang terpelihara (JPBD, 2007). Dengan demikian, Program Bandar Selamat ini seperti mana diluluskan oleh Kabinet, mempunyai empat matlamat utama (JPBD, 2007) iaitu:

- (1) Bandar yang bebas daripada keganasan nyawa dan harta seperti kecurian, rompakan, ragut dan seumpamanya;
- (2) Bandar yang bebas daripada kemusnahan akibat daripada bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh;
- (3) Bandar yang bebas daripada kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, jenayah kolar putih, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah serta seumpamanya; dan
- (4) Bandar yang bebas daripada kemalangan seperti kemalangan jalan raya dan kebakaran.

Kadar indeks kes jenayah indeks telah meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan yang paling ketara berlaku adalah antara tahun 1996 dan 1997. Keadaan ini didakwa mempunyai kaitan rapat dengan krisis ekonomi yang berlaku sekitar tahun 1996 hingga 1999. Rentetan daripada itu, YPJM telah mengemukakan kepentingan program bandar

selamat pada tahun 1998 bagi menangani masalah peningkatan kadar indeks kes jenayah sehingga membawa kepada pelaksanaan Program Bandar Selamat pada tahun 2004 (Lee, 1998). Perlu diperjelaskan di sini bahawa indeks jenayah merupakan pecahan kepada dua jenis jenayah, iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Contoh jenayah kekerasan adalah seperti bunuh, rogol, cabul kehormatan, samun, merusuh, mencederakan, ugutan jenayah dan seumpamanya. Manakala, jenayah harta benda adalah seperti mencuri, merompak, ragut, pecah rumah dan seumpamanya. Jenayah harta benda merupakan jenis jenayah yang sering berlaku terhadap pelancong.

Secara keseluruhannya, buku panduan yang telah dikeluarkan oleh JPBD ini mempunyai 23 langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga strategi utama. Pertama merupakan strategi pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran fizikal. Kedua dengan memperkasakan kawasan sasaran dan ketiga adalah melalui kegiatan kemasyarakatan dan pendidikan kesedaran awam. Tiga strategi dan 23 langkah tersebut dapat ditunjukkan seperti Jadual 1 (JPBD, 2007):

Jadual 1 Tiga strategi dan 23 langkah program bandar selamat

STRATEGI	LANGKAH-LANGKAH
1. Merekabentuk persekitaran fizikal	(i) Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor
	(ii) Penyediaan <i>Bollard</i>
	(iii) Mengawal tanaman landskap di laluan pejalan kaki
	(iv) Penyelidikan pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran
	(v) Perkongsian maklumat jenayah melalui GIS – <i>based mapping</i>
2. Memperkasakan kawasan sasaran	(vi) Penyemakan garis panduan susun atur perumahan
	(vii) Pondok polis
	(viii) Papan tanda peringatan jenayah
	(ix) Cermin keselamatan
	(x) Penggera keselamatan
	(xi) Mengemaskan kawasan semak dan terlindung
	(xii) Tempat letak motosikal berkunci
	(xiii) Pemasangan <i>closed circuit television</i> (CCTV)
	(xiv) Pemasangan lampu di kaki lima premis perniagaan
	(xv) Laluan awam tidak terlindung atau menghalang pandangan awam
	(xvi) Mencahaya/menerangkan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran jenayah
	(xvii) Tidak membenarkan perniagaan dan meletak kenderaan di kaki lima dan laluan pejalan kaki
	(xviii) Menjanakan pelbagai aktiviti perniagaan
(xix) Perkhidmatan pengawal keselamatan swasta	
3. Kegiatan kemasyarakatan dan pendidikan kesedaran awam	(xx) Pendidikan
	(xxi) Pemasangan lampu di lorong tepi, depan dan belakang rumah
	(xxii) Penyediaan risalah jenayah komuniti
	(xxiii) Meningkatkan rondaan kawasan perumahan

Sumber: JPBD, 2007

5.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibuat sendiri oleh pengkaji berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian. Soal selidik ini dipecahkan kepada lima bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E. Soal selidik ini mengandungi soalan yang tertutup serta soalan yang terbuka. Soalan untuk menjawab objektif kajian, iaitu di Bahagian E dirangka dengan menggunakan *Skala Likert*, iaitu skala satu hingga lima. Kajian ini menggunakan kaedah '*probability sampling*' dengan mengambil kira elemen populasi yang mana kesemua unit dalam sesuatu populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih. Penentuan populasi kajian dilaksanakan berdasarkan statistik kedatangan pelancong Singapura ke Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2006, iaitu 7,109,090 orang serta tahun 2007, iaitu seramai 20,041,974 orang. Sampel kajian ini adalah sebanyak 384 responden (mengikut jadual persampelan Krejcie dan Morgan, 1970) di mana kesemua responden yang dipilih terdiri daripada pelancong Singapura sahaja. Namun hanya 201 borang yang telah lengkap diisi dan boleh digunakan untuk dianalisis. Ini adalah kerana penyelidik mempunyai batasan untuk melengkapkan 384 borang soal selidik, iaitu batasan masa serta batasan disebabkan oleh kerenah responden yang tidak memberi kerjasama yang sepenuh.

Dalam menjawab objektif kajian pertama, pengkaji telah menggunakan julat skor min untuk menilai tahap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat, Bandaraya Johor Bahru melalui skala pengkadaran seperti dalam Jadual 2.

Manakala untuk menjawab objektif kajian kedua, pengkaji telah menggunakan julat skor min untuk menentukan tahap persepsi responden terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam Program Bandar Selamat. Berikut adalah julat skor min terhadap tahap persepsi responden:

Jadual 2 Julat skor min terhadap tahap kepentingan langkah pencegahan jenayah di dalam program bandar selamat

Julat skor min	Tahap kepentingan
$1.00 \leq \text{min} < 1.50$	Sangat tidak penting
$1.50 \leq \text{min} < 2.50$	Kurang penting
$2.50 \leq \text{min} < 3.50$	Sederhana penting
$3.50 \leq \text{min} < 4.50$	Penting
$4.50 \leq \text{min} \leq 5.00$	Sangat penting

Sumber: Majid, (1997)

6.0 DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 201 sampel soal selidik telah diberikan kepada responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Hasilnya 48.8% responden adalah kaum perempuan

Jadual 3 Julat skor min terhadap tahap persepsi responden

Julat skor min	Tahap persepsi responden
3.68 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.67	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Levin dan Rubin (2000)

manakala 51.2% responden adalah kaum lelaki. Dari komposisi umur, kajian mendapati bahawa majoriti responden ialah pelancong dalam kalangan umur 30-39 tahun, iaitu kira-kira 31.8%. Golongan pelancong kedua adalah responden yang berumur 20 hingga 29 tahun, iaitu kira-kira 30.8% dan seterusnya golongan responden yang berumur 40 hingga 49 tahun, iaitu merangkumi 26.9%. Manakala responden yang berumur 50 hingga 59 pula merangkumi 8.0% dan selebihnya, iaitu 1.5% dan 1.0% diwakili oleh responden yang berumur lebih dari 60 tahun dan kurang daripada 20 tahun. Dari segi komposisi bangsa, majoriti responden yang ditemui adalah berbangsa Melayu dengan 56.7% sementara responden yang berbangsa Cina dan India merangkumi 28.4% serta 13.9%. Selebihnya adalah lain-lain bangsa, iaitu bangsa “*Eurasion*” dan “*sino-native*,” iaitu kira-kira 1.0%. Dari segi komposisi status perkahwinan, kebanyakan responden yang ditemui sudah berkahwin, iaitu merangkumi 62.7% manakala responden yang berstatus bujang pula merangkumi 37.3%. Di dalam kajian ini, istilah berstatus bujang ditakrifkan sebagai responden yang belum berkahwin, duda ataupun janda. Daripada segi komposisi pekerjaan, sebahagian besar responden adalah mereka yang bekerja di dalam sektor swasta dengan 42.3%, manakala responden yang bekerja sebagai kakitangan awam, pelajar dan ahli perniagaan pula hanyalah merangkumi 21.4%, 15.4% dan 9.5%. Peratusan bagi responden yang bersara, tidak bekerja dan lain-lain pula adalah merangkumi 7.5%, 3.5% dan 0.5%.

Dari segi kelayakan akademik, taraf pendidikan formal responden adalah tinggi di mana lebih separuh, iaitu sebanyak 68.7% merupakan lulusan institusi pengajian tinggi. Manakala responden yang hanya menamatkan pendidikan di sekolah menengah dan sekolah rendah adalah sebanyak 22.4% dan 3.5% sahaja. Namun terdapat juga responden yang tidak menjawab soalan ini, iaitu kira-kira 5.5%. Melalui pemerhatian pengkaji, responden yang tidak menjawab soalan ini adalah mereka yang tidak bekerja dan berstatus pelajar. Dari segi pendapatan tahunan (dinilai dalam matawang SGD), majoriti responden mempunyai jumlah pendapatan tahunan dalam lingkungan 30,000–49,999, iaitu merangkumi 38.8%. Responden yang mempunyai jumlah pendapatan tahunan dalam lingkungan 10,000–29,999 serta di bawah 9,999, merangkumi 19.4% dan 13.9%. Seterusnya sebanyak 6.5% serta 2.0% daripada jumlah keseluruhan responden mempunyai jumlah pendapatan dalam lingkungan 50,000–89,999 dan lebih daripada 90,000. Lain-lain pendapatan pula mencatatkan 0.5% responden sahaja. Namun terdapat juga responden yang tidak menjawab soalan ini iaitu, kira-kira 18.9%. Responden

yang tidak menjawab soalan ini adalah terdiri daripada mereka yang sudah bersara, tidak berkerja serta berstatus pelajar.

6.1 Menilai Kepentingan 20 Langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru dari Persepsi Responden

Dalam kajian ini, pengkaji akan menilai kepentingan 20 langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh pihak MBJB. Penilaian ini akan dilakukan bagi menilai kepentingan langkah pencegahan tersebut daripada persepsi responden. Ini adalah kerana bukan semua daripada 20 langkah pencegahan jenayah yang terkandung dalam Program Bandar Selamat mampu menyakinkan responden tentang tahap keselamatan mereka semasa berada di Bandaraya Johor Bahru.

Sejumlah 201 responden telah menjawab soal selidik dan hasilnya menunjukkan kebanyakan responden mendapati kesemua 20 langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru adalah “penting” dan tahap persepsi responden adalah “tinggi” dengan nilai skor min keseluruhan adalah 4.12, rujuk Jadual 4. Ini dibuktikan apabila kebanyakan trend responden lebih cenderung memilih “sangat penting” hingga ke “sederhana penting” yang mana julat nilai skor min keseluruhan adalah 3.56 hingga 4.51. Perlu ditekankan bahawa nilai skor min yang tinggi menunjukkan tahap persepsi responden yang tinggi dari segi tahap kepentingan sesuatu pemboleh ubah dalam pencegahan jenayah dalam Program Bandar Selamat, dan begitulah sebaliknya jika nilai skor min adalah rendah. Di samping itu, hierarki kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah dapat dilihat dalam Jadual 5.

Berdasarkan Jadual 4, nilai skor min yang tertinggi adalah 4.51, iaitu menunjukkan wujudnya kepentingan yang tinggi di dalam penggunaan CCTV sebagai salah satu cara langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat. Ini telah dibuktikan melalui skala Likert bagi pemboleh ubah kepentingan penggunaan CCTV dalam Program Bandar Selamat, di mana penilaian responden yang menyatakan “sangat penting” adalah 65.2% dan “penting” adalah 24.4%. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hampir tiga per empat daripada keseluruhan responden berasa yakin terhadap kepentingan langkah pencegahan jenayah ini dalam menjamin keselamatan mereka semasa berada di Bandaraya Johor Bahru.

Kepentingan pendidikan melalui risalah jenayah serta penyediaan risalah jenayah oleh komuniti menunjukkan nilai skor min yang terendah sekali dari persepsi responden. Nilai skor min untuk kedua-dua langkah tersebut adalah 3.56 dan 3.58 (rujuk Jadual 4). Ini boleh dibuktikan melalui skala Likert bagi pemboleh ubah kepentingan kedua-dua langkah tersebut, iaitu responden hanya memberi penilaian “penting,” (34.3%) dan “sederhana penting,” (31.8%) untuk kepentingan pendidikan melalui risalah dalam penilaian “penting,” (30.8%) dan “sederhana penting,” (31.3%)


Jadual 4 Nilai skor min persepsi responden terhadap kepentingan 20 langkah pencegahan jenayah di bawah program bandar selamat di Bandaraya Johor Bahru

Elemen	Analisis Frekuensi					Min	Tahap persepsi responden/ Tahap kepentingan	
	Jumlah (N)	Sangat Tidak Penting		Kurang Sederhana				Sangat Penting
		(1)	(2)	(3)	(4)			
1 Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor	201	0	8	19	73	101	4.33	Tinggi/Penting
2 Penyediaan <i>bollard</i>	201	0	3	32	77	89	4.25	Tinggi/Penting
3 Mengawal tanaman landskap di laluan pejalan kaki	201	1	7	30	80	83	4.18	Tinggi/Penting
4 Penyelidikan pencegahan jenayah melalui rekabentuk persekitaran	201	0	4	41	80	76	4.13	Tinggi/Penting
5 Perkongsian maklumat jenayah melalui GIS – <i>base mapping</i>	201	2	5	42	82	70	4.06	Tinggi/Penting
6 Pondok polis	201	1	4	20	60	116	4.42	Tinggi/Penting
7 Papan tanda peringatan jenayah	201	0.5	2.0	10.0	29.9	57.7	3.92	Tinggi/Penting
8 Penggera keselamatan	201	2.0	5.5	24.9	33.8	33.8	4.14	Tinggi/Penting
9 Membersih/mengemaskan kawasan-kawasan semak dan terlindung	201	1.0	2.5	18.9	36.3	41.3	4.35	Tinggi/Penting
10 Tempat letak motosikal berkunci	201	1.0	2.5	8.5	36.3	51.7	4.18	Tinggi/Penting
11 Pemasangan <i>closed circuit television</i> (CCTV)	201	1.0	2.0	7.5	24.4	65.2	4.51	Tinggi/Sangat Penting

Jadual 4 (Sambungan)

12	Pemasangan lampu di kaki lima premis perniagaan	201	1.0%	2	1.5%	3	23	76	97	4.31	Tinggi/Penting
							11.4%	37.8%	48.3%		
13	Laluan awam tidak terlindung atau menghalang pandangan awam	201	0	4	26	91			80	4.23	Tinggi/Penting
			0.0%	2.0%	12.9%	45.3%			39.8%		
14	Mencahayakan/menerangkan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran jenayah	201	2	4	23	78			94	4.28	Tinggi/Penting
			1.0%	2.0%	11.4%	38.8%			46.8%		
15	Tidak membenarkan perniagaan dan meletak kenderaan di kaki lima dan laluan pejalan kaki	201	5	4	38	74			80	4.09	Tinggi/Penting
			2.5%	2.0%	18.9%	36.8%			39.8%		
16	Menjanakan pelbagai aktiviti perniagaan	201	3	7	49	82			60	3.94	Tinggi/Penting
			1.5%	3.5%	24.4%	40.8%			29.9%		
17	Perkhidmatan pengawal keselamatan swasta	201	3	5	41	78			74	4.07	Tinggi/Penting
			1.5%	2.5%	20.4%	38.8%			36.8%		
18	Pendidikan melalui risalah jenayah	201	11	16	64	69			41	3.56	Sederhana / Penting
			5.5%	8.0%	31.8%	34.3%			20.4%		
19	Cermin keselamatan	201	6	10	65	65			55	3.76	Tinggi/Penting
			3.0%	5.0%	32.3%	32.3%			27.4%		
20	Penyediaan risalah jenayah oleh komuniti	201	10	19	63	62			47	3.58	Sederhana / Penting
			5.0%	9.5%	31.3%	30.8%			23.4%		

Jadual 5 Hierarki kepentingan 20 langkah pencegahan jenayah di bawah program bandar selamat di Bandaraya Johor Bahru



untuk kepentingan penyediaan risalah jenayah oleh komuniti. Ini menunjukkan bahawa responden merasakan kedua-dua langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat ini kurang penting dalam membantu meningkatkan tahap keselamatan mereka semasa berada di Bandaraya Johor Bahru.

7.0 KESIMPULAN

Dalam melaksanakan Program Bandar Selamat, Malaysia sebenarnya telah mengambil langkah lebih jauh berbanding perlaksanaanya di peringkat antarabangsa. Ia dapat dilihat dengan jelas melalui definisi konsep bandar selamat dan matlamat yang telah digariskan oleh KPKT. Malahan definisi dan matlamat tersebut juga sebenarnya telah menepati keperluan dan keutamaan beberapa responden berdasarkan kajian pengkaji. Ia telah mengambil kira pelbagai masalah keselamatan pelancong dari segi nyawa, harta benda dan moral. Sekali gus memperlihatkan kerajaan begitu serius untuk menjamin keselamatan pelancong untuk jangka masa yang panjang. Walau

bagaimanapun, ianya hanya bertepatan di peringkat dasar atau polisinya sahaja. Sebaliknya apabila di peringkat pelaksanaan serta keberkesannya terhadap pelancong ianya ternyata masih mempunyai pelbagai kekurangan. Ini adalah kerana garis panduan Program Bandar Selamat yang ditetapkan oleh JPBD itu sendiri hanya bertujuan menangani permasalahan seperti mana matlamat pertama, iaitu menjadikan bandar bebas dari keganasan nyawa dan harta benda sahaja. Jika langkah tersebut sebenarnya dilakukan untuk menangani isu keselamatan bandar di negara ini dalam jangka masa pendek sekalipun, prestasinya masih rendah berikutan peningkatan kadar kes jenayah masih berterusan sehingga ke hari ini.

Selain itu, berdasarkan pandangan yang diberikan oleh responden, garis panduan tersebut ternyata masih mempunyai pelbagai kelemahan walaupun mereka mengatakan langkah pencegahan jenayah dalam Program Bandar Selamat adalah penting. Cuma apa yang responden harapkan adalah keberkesannya terhadap pelancong. Seharusnya semua pihak berkuasa tempatan seperti MBBJ serta pihak yang terlibat dalam sektor pelancongan memegang kata-kata Datuk Seri Najib Tun Razak, iaitu "Jenayah berlaku apabila ada peluang dan kita percaya dengan mengurangkan peluang, maka kadar jenayah akan dapat dikurangkan."

RUJUKAN

- Ahmad Kamil, Mohamed. 2006. Bandar Bebas Jenayah. *Utusan Malaysia*, 14 Ogos. Tarikh capaian pada 09 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>
- Asworth, G. J. 1992. Is There an Urban Tourism? *Tourism Recreation Research*. 17(2): 3-8.
- Blank, U. 1994. Research on Urban Tourism Destination. Di dalam J. R. B. Ritchie, C. R. Goeldener. *Travel, Tourism, and Hospitality Research: A Handbook for Managers and Researchers*. New York: Wiley.
- Fainstein, S. & D. Judd. 1999. *The Tourist City*. New Haven CT: Yale University Press Floyd *et al.* (2003). The Effect of Risk Perceptions on Intentions to Travel in the Aftermath of September 11, 2001. Di dalam C. Michael Hall, Dallen, J. Timothy, David Timothy. *Safety and Security in Tourism: Relationship, Management and Marketing*. USA: Haworth Hospitality Press
- George, R. 2003. Tourist's Perceptions of Safety and Security While Visiting Cape Town. *Journal of Tourism Management*. 575-585.
- Gunn, C. 1994. *Tourism Planning: Basics, Concepts and Cases*. New York: Taylor and Francis.
- Holcomb, J. & A. Pizam. 2006. Do Incidents of Theft at Tourist Destinations Have a Negative Effect on Tourists' Decisions to Travel to Affected Destinations? Di dalam Yoel Mansfeld dan Abraham Pizam (2006) *Tourism, Security and Safety: From Theory to Practice*. UK: Elsevier Butterworth-Heinemann.
- Jabatan Imigresen Johor. *Statistik Kedatangan Pelancong ke Johor Bahru Mengikut Negara 2004 hingga 2006*.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). 2007. Tarikh capaian pada 11 Disember 2007 dari <http://www.townplan.gov.my>.
- Kamus Dewan. 2002. Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katiman Rostam. 1988. *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Law, C. 2002. *Urban Tourism. Second Edition*. Great Britain: Cromwell Press, Trowbridge.
- Lee, L. T. 1988. Perlu Segera Wujudkan Konsep Bandar Selamat. *Utusan Malaysia*, 11 Februari 1988. Tarikh capaian pada 10 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>.
- Majlis Tindakan Pelancongan Negeri. 2008. *Pelawat Asing Mengikut Negara bagi Tempoh Januari-November 2006 & Januari-November 2007*.
- Nurul Iswani, Ismail. 2006. Persepsi Keselamatan Pelancong di Kawasan Eko Pelancongan. Kajian Kes: Taman Negara, Pahang. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Page, S. J. & C. M. Hall. 2003. *Managing Urban Tourism*. Harlow: Pearson Education Limited.

UN Habitat. 1996. *Safer Cities Program*. Tarikh capaian pada 11 Disember 2007 dari <http://www.unhabitat.org>